

PRINT HARIAN METRO - "Kids Attraction (Pikat Pelanggan Kanak-kanak)"
(DATE RAN 5th June 2015)

Harian Metro JUMAAT 5 JUN 2015 **Metroplus** 7



KANAK-KANAK menghiburkan diri ketika melancarkan Kelab Kanak-Kanak Hard Rock Roxity.



SMEETON (tengah) melayan kanak-kanak ketika melancarkan Kelab Kanak-Kanak Hard Rock Roxity.

Pikat pelanggan kanak-kanak

■ HRHPP lancar kelab tarik pengunjung cilik serti pelbagai aktiviti menarik

Oleh Rudy Syarene Sheriffudin
am@hmetro.com.my
Georgetown

Hotel Hard Rock Pulau Pinang (HRHPP) melancarkan Kelab Kanak-Kanak Hard Rock Roxity sebagai tarikan terbaru kepada pengunjung khususnya untuk kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun.

Majlis pelancaran disempurnakan Penolong Pengurus Eksekutif HRHPP Michael Smeeton, baru-baru ini diikuti sesi beramah mesra sambil membaca dan bermain bersama kanak-kanak yang menyertai kelab berkenaan.

Penolong Pengurus Pemasaran dan Komunikasi HRHPP Angeline Chen berkata, sebelum ini, kelab berkenaan beramah mesra dengan maskot Razzi dan Buddy Junior serta mempelajari cara membuat pizza oleh Chef Joe dan pertunjukan fesyen kanak-kanak serta pelbagai aktiviti bermula dari jam 10 pagi hingga 9 malam setiap hari.

"Pengunjung turut berpeluang mendapatkan lima karakter anak patung termasuk Skiddley, Razzi, Buddy Jr, Stu Kingston dan Styler serta kemaja-T dan menikmati harga cukup istimewa di semua kedai Rock Shop di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, mereka boleh menikmati pembelian secara dalam talian menerusi laman web, www.hardrock.com dan harga istimewa untuk kanak-kanak yang menikmati hidangan di Hard Rock Cafe.

“Konsep utama kelab ini mesra keluarga yang memberi peluang kanak-kanak rasai pelbagai aktiviti”
Angeline Chen

dikenali sebagai Kelab Kanak-Kanak LITRock dan sempena pelancaran rasmi Kelab Kanak-Kanak Hard Rock Roxity itu, pelbagai aktiviti menarik diadakan.

"Konsep utama kelab ini adalah mesra keluarga yang memberi peluang kepada kanak-kanak merasai sendiri aktiviti membabitkan bidang kraf tangan, lukisan tangan dan kelas tarian.

"Pengunjung berpeluang